

02 APR 2001

Isa-Pas

PAS DIMINTA NYATAKAN PENDIRIAN MENGENAI PERTEMUAN UMNO-PAS

SEREMBAN, 2 April (Bernama) -- Pas harus menyatakan pendirian sebenar sama ada ingin mengadakan pertemuan dengan Umno bagi membincangkan perpaduan Melayu atau tidak, tanpa perlu lagi mengemukakan sebarang syarat baru.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata tindakan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor yang dilaporkan mencabar kredibiliti Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob untuk mengetuai jawatankuasa teknikal Umno untuk membincangkan pertemuan itu tidak harus dibangkitkan.

"Ini (kredibiliti Khalil) hanyalah alasan Pas untuk mengelak bertemu dengan Umno untuk berbincang.

"Pas perlu jelaskan, sama ada mereka hendak atau tidak untuk mengadakan pertemuan itu. (Kalau tak nak), tak perlu buat alasan atau sebab," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Presiden Pas itu yang mencabar kredibiliti Khalil.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri yang bermesyuarat dua bulan sekali di Wisma Negeri di sini hari ini.

Katanya lagi, sekiranya Pas boleh mengadakan pertemuan dengan DAP serta mengadakan perjumpaan dengan para penternak babi di Bukit Pelandok tanpa sebarang syarat atau melalui jawatankuasa teknikal, mengapa Pas tidak boleh mengadakan pertemuan dan berbincang mengenai perpaduan Melayu yang merupakan isu yang lebih besar dan penting dengan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Soal perpaduan Melayu adalah juga sebahagian daripada perpaduan kebangsaan. Adakah berjumpa dengan penternak babi lebih penting daripada berjumpa Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) untuk berbincang perpaduan Melayu?" katanya.

Mengulas mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang dilaporkan akan menulis surat kepadanya (Mohamed Isa) bagi menjelaskan mengenai lawatannya ke Bukit Pelandok pada Mac lepas, Mohamed Isa berkata beliau tidak masalah mengenai perkara itu.

"Kita akan tengok nanti, apa kandungan surat yang akan dihantar," katanya.

Ditanya, sama ada beliau akan membalas surat itu nanti, Mohamed Isa berkata perkara itu belum difikirkan tetapi ia bergantung kepada kandungan surat itu.

Mengenai mesyuarat hari ini, beliau berkata kerajaan negeri telah menerima satu garis panduan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) daripada Kerajaan Pusat yang memberikan butiran mengenai pembangunan di kawasan MSC.

"Di Negeri Sembilan, kawasan yang termasuk dalam zon MSC itu ialah Bandar Baru Nilai dan sebahagian kawasan di Port Dickson," katanya.

Katanya, garis panduan itu amat berguna kepada kerajaan negeri dalam usaha merancang dan melaksanakan program-program pembangunan selaras dengan keperluan MSC seperti kemudahan infrastruktur yang perlu disediakan di kawasan itu.

--BERNAMA

APG RI